

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(PARIT SULONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.11.2014

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan suatu bank yang khusus untuk wanita di negara ini sepertimana yang diwujudkan di India (Bank Bharatiya Mahila atau Bank Wanita India) dan di Pakistan (First Women Bank Limited (FWBL)).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kerajaan tiada sebarang perancangan untuk mewujudkan suatu bank khusus untuk wanita di Malaysia disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. Akses kepada perkhidmatan kewangan di Malaysia sangat luas dan pada tahun 2011, 92% penduduk dewasa Malaysia mempunyai akaun deposit;
- ii. Malaysia tidak mengamalkan diskriminasi antara jantina dan semua rakyat Malaysia diberi layanan yang sama rata; dan
- iii. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menyokong penggunaan perkhidmatan kewangan yang lebih berkesan melalui pengembangan dalam rangkaian produk dan perkhidmatan yang diubahsuai mengikut keperluan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan tanpa mengambilkira faktor gender.